

Universiti Sabah mungkin dibina di Tawau

KOTA KINABALU, Jumaat — Kerajaan Negeri telah mengenal pasti beberapa kawasan untuk dicadangkan sebagai tapak universiti yang akan dibina di negeri ini, kata Ketua Menteri Tan Sri Sakaran Dandai.


Beliau berkata tapak cadangan itu terletak dalam Bahagian Pantai Barat yang merangkumi kawasan antara Kuala Penyu dan Kudat dan Pantai Timur yang sebahagiannya meliputi Tawau.

Katanya tapak yang dicadangkan dalam Bahagian Pantai Barat menyediakan kawasan seluas kira-kira 100 hektar manakala yang di Pantai Timur berkeluasan 250 hektar.

"Kita akan mengkaji perkara ini dengan teliti dengan penekanan yang lebih untuk mengimbangi pembangunan negeri Sabah," katanya kepada pemberita hari ini, hari pertama beliau menjalankan tugas di pejabatnya di Bangunan Yayasan Sabah di sini.

Katanya memandangkan hasrat mereka untuk mengimbangi pembangunan itu, universiti berkenaan dijangka akan didirikan di Tawau.

Sakaran berkata sekiranya Tawau dipilih, ia disifatkan sebagai hadiah Kerajaan Barisan Nasional (BN) kepada penyokong mereka di Pantai Timur.



Sakaran Dandai

"Kekuatan BN amat ketara di kawasan itu, jadi bertepatanlah kalau universiti berkenaan dapat didirikan di sana sebagai hadiah kepada penduduk Pantai Timur.

"Lagi pun, kita berhasrat untuk mengimbangi pembangunan di negeri ini yang setakat ini hanya bertumpu ke kawasan Pantai Barat," katanya.

Penubuhan universiti di Sabah

merupakan satu daripada janji BN kepada rakyat Sabah dalam manifesto pilihan rayanya yang lepas jika mereka dapat menubuhkan kerajaan negeri.

Sakaran berkata Kabinet Negeri yang akan mengadakan mesyuarat pertamanya Rabu depan juga dijangka membincangkan kedudukan enam Anggota Dewan Undangan Negeri Dilantik.

Katanya mereka akan merujuk kepada Peguam Negeri, Datuk Stephen Foo sebelum memutuskan sebarang tindakan.

"Kita akan mendapatkan pandangan Peguam Negeri tentang cara bagaimana untuk membatalkan keputusan jika tindakan (pembatalan) itu perlu," katanya.

Sakaran berkata sekarang adalah masih terlalu awal untuk beliau mengulas lebih lanjut mengenai perkara itu. Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim akan dimaklumkan mengenai keputusan mereka nanti.

Mengenai kemungkinan rombakan peringkat atasan agensi-agensi kerajaan terutamanya Yayasan Sabah, beliau berkata mereka akan mengkaji perkara itu dan melantik mereka yang didapati layak.

"Rombakan mungkin dibuat kerana kita mahu pentadbiran kita selaras dengan aspirasi BN," katanya.

Sakaran tidak menolak kemungkinan rombakan itu akan memabitkan jawatan Pengarah Yayasan Sabah yang kini disandang oleh Datuk Dr Jeffrey Kitingan. — Bernama.